

Magic Wooden Folding Table

Siti Hajar Muhd Ariff¹, Maizatul Aisya Ab Halim, Nur Fatin Syafiqah
Mazani, Nur Anis Ayunie Kamarudin dan Nurul Anisah Idzuwan

¹Jabatan Perdagangan, Politeknik Kota Bharu, Kelantan 16450
Ketereh, Kelantan Darul Naim

Abstrak: Negara Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan bermula pada 18 Mac 2020 yang meliputi semua aspek termasuk larangan keluar negara dan juga penutupan sektor ekonomi sama ada kerajaan dan juga swasta. Sektor pendidikan juga terpaksa ditutup termasuk Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) swasta dan juga awam. Oleh itu, pelajar digalakkan untuk belajar secara atas talian. Tetapi, pelajar telah menghadapi masalah kerana tidak mempunyai kemudahan yang sesuai untuk melaksanakan pembelajaran secara atas talian. Jadi, meja mudah alih atau Magic Wooden Folding Table ini dicipta dengan pelbagai fungsi yang menarik. Selain itu, produk ini dicipta untuk memudahkan pelajar belajar mengikut keselesaan masing-masing. Bukan itu sahaja, meja mudah alih ini menyediakan ruang untuk meletakkan komputer riba, nota, tetikus, peralatan alat tulis dan juga air minuman. Hal ini dapat memudahkan pelajar untuk menjalani sesi pembelajaran secara atas talian. Magic Wooden Folding Table ini diperbuat daripada kayu yang berkualiti tinggi iaitu kayu merawan. Di samping itu, meja mudah alih ini juga bersaiz mini untuk memudahkan pelajar membawanya ke mana-mana sahaja. Selain itu, meja ini dicipta untuk mengurangkan rasa sakit belakang pelajar ketika berlangsungnya kelas atas talian dan pelajar tidak perlu duduk di atas kerusi dalam jangka masa tertentu. Kesimpulannya, meja ini selamat digunakan dan dapat membantu pelajar untuk belajar dalam keadaan yang selesa ketika kelas secara atas talian.

Kata Kunci: *magic wooden folding table, perintah kawalan pergerakan, pembelajaran atas talian.*

1.0 Pengenalan

Di Malaysia, terdapat kejutan yang luar biasa mengenai penularan jangkitan Covid-19 yang kian merebak di seluruh negara. Menurut Pejabat Perdana Menteri Malaysia (2020), satu perutusan khas Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin, memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan bermula pada 18 Mac 2020 dan Perintah Kawalan Pergerakan ini meliputi semua sektor seperti sektor perniagaan dan pendidikan.

Terdapat beberapa syarikat yang terpaksa mengurangkan pekerja dalam setiap organisasi kerana mempunyai masalah dari segi kewangan. Bukan itu sahaja, masyarakat juga hilang pekerjaan dan tiada sumber pendapatan yang tetap. Selain itu, ia juga memberi kesan kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) kerana tiada lagi kuliah di kampus.

Menurut Berita Harian (2020), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) membenarkan kemasukan pelajar baharu Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan perkara ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Khas Menteri-Menteri mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 16 Mei 2020 berhubung pengendalian aktiviti akademik di kampus IPT hendaklah dilaksanakan secara atas talian sehingga hujung tahun 2020 dan tidak dibenarkan secara bersemuka. Selain itu, pihak KPT menggalakkan pelajar belajar secara atas talian bagi mengelakkan berlakunya penularan jangkitan Covid-19.

2.0 Penyataan Masalah

Keadaan negara yang telah dijangkiti dengan penularan jangkitan Covid-19 telah menimbulkan idea kepada pengkaji untuk mereka cipta meja mudah alih. Selama beberapa bulan yang lepas, sekolah-sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terpaksa ditutup bagi mengelakkan peningkatan jangkitan Covid-19 ini.

Menurut Astro Awani (2020), Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mengeluarkan satu fakta mengenai Covid-19 yang lebih dikenali sebagai koronavirus adalah penyakit yang dikenal pasti sebagai punca wabak sistem pernafasan yang dikesan di Wuhan, China. Jangkitan Covid-19 dikategorikan sebagai virus respiratori, dan boleh berjangkit menerusi titisan air atau cecair yang

disebarkan menerusi batuk atau bersin atau lendir yang keluar daripada hidung.

Menurut Berita Harian (2020), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) membenarkan kemasukan pelajar baharu Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan perkara ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Khas Menteri- Menteri mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 16 Mei 2020 berhubung pengendalian aktiviti akademik di kampus IPT hendaklah dilaksanakan secara atas talian sehingga hujung tahun ini dan tidak dibenarkan secara bersemuka.

Belajar atas talian telah memberi masalah kepada pelajar kerana tiada tempat yang sesuai untuk mereka melakukan sesi pembelajaran dengan selesa. Magic Wooden Folding Table ini boleh dibawa ke mana- mana sahaja untuk pelajar mencari tempat yang mempunyai internet dan boleh belajar dalam keadaan yang selesa.

Kebanyakan pelajar menggunakan komputer riba semasa belajar secara atas talian dengan meletakkannya di atas riba, kerusi, katil dan sebagainya. Hal itu akan memberi kesan yang buruk seperti komputer riba akan jatuh jika tidak diletakkan pada tempat yang sesuai seperti rajah di bawah. Oleh itu, meja mudah alih ini direka dengan satu ruang untuk meletakkan komputer riba dengan cara yang betul.



Rajah 1: Keadaan ruang meja dipenuhi barang-barang



Rajah 2: Keadaan meja yang bersaiz besar



Rajah 3: Keadaan ketika menggunakan laptop yang tidak betul



Rajah 4: Keadaan kedudukan yang tidak betul

3.0 Objektif Projek

Projek ini dijalankan untuk mengenal pasti keselesaan pelajar ketika pembelajaran secara atas talian dilakukan. Objektif spesifik adalah seperti berikut:

- i. Memberikan kemudahan kepada pelajar untuk mengulangkaji di kawasan tertentu seperti asrama, di taman atau di tempat awam.
- ii. Memberi keselesaan kepada pelajar semasa pembelajaran dilakukan kerana ia dapat menaikkan dan menurunkan mengikut kedudukan pelajar ketika menggunakannya.
- iii. Menjimatkan ruangan semasa penyimpanan kerana meja mudah ini bersaiz mini dan boleh dilipat sehingga menjadi kecil jika selesai menggunakannya.

4.0 Metodologi Kajian

Pada zaman globalisasi ini, terdapat pelbagai kemudahan yang direka untuk meringankan beban masyarakat kini. Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap usaha-usaha memperkenalkan inovasi dan membuat penambahbaikan terhadap perkhidmatan masyarakat. Meja mudah alih ini juga mestilah bersesuaian dengan keperluan semasa dan perubahan dalam dan luar negara. Inovasi ialah kreativiti dan kaedah mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik, sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan.

Menurut Campbell (1989), kreativiti adalah aktiviti yang mendatangkan hasil dan sifatnya dari segi baru dan berguna. Inovasi adalah hasil cetusan idea-idea yang kreatif dan inovatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti


organisasi. Idea-idea ini boleh merangkumi apa-apa perubahan dalam bentuk sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi. Produk inovasi iaitu *Magic Wooden Folding Table* bertujuan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar seperti tiada tempat belajar yang selesa dan ada juga tempat tinggal pelajar yang tiada kemudahan dari segi internet. Oleh itu, meja mudah alih ini direka supaya pelajar boleh bawa ke mana sahaja untuk mencari tempat yang mempunyai internet yang berkelajuan tinggi dan boleh melakukan pembelajaran dengan selesa.

Magic Wooden Folding Table ini bersaiz mini dan meja ini tidak menjadi beban untuk pelajar membawa ke mana sahaja pelajar pergi. Skop projek ini tertumpu kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tidak kira lelaki atau perempuan yang terlibat dengan sesi pembelajaran secara atas talian. *Magic Wooden Folding Table* ini akan dipasarkan kepada pelajar dengan harga yang berpatutan dan mampu dimiliki. Meja mudah alih ini mempunyai pelbagai fungsi yang dapat menarik perhatian pelajar untuk membelinya kerana saiznya yang kecil dan tidak berat.

4.1 Bahan Mentah

Produk ini dinamakan sebagai *Magic Wooden Folding Table*. Bagi menyediakan produk ini, terdapat beberapa bahan utama yang diperlukan seperti papan kayu, skru, engsel pintu kecil, getah lembut seperti dalam Rajah 5.

Gambar	Bahan
	Papan kayu
	Engsel Pintu Kecil
	Skru
	Getah Lembut



Rajah 5: Bahan utama yang digunakan

4.2 Proses Penghasilan Produk

Produk inovasi ini direka untuk memudahkan para pelajar berikutan penutupan sektor pendidikan awam dan swasta. Oleh itu, pelajar digalakkan untuk belajar secara atas talian. *Magic Wooden Folding Table* dicipta untuk membantu pelajar belajar mengikut keselesaan masing-masing. Terdapat beberapa proses membuat *Magic Wooden Folding Table* seperti berikut:

- i. Memotong papan kayu menggunakan gergaji mengikut ukuran yang telah ditetapkan.
- ii. Memotong besi menggunakan gerinda tangan mengikut ukuran yang ditetapkan. Seterusnya, panaskan besi yang telah dipotong menjadi bentuk “C” untuk dijadikan kaki meja.
- iii. Cantumkan papan kayu pada rajah 2 dengan menggunakan engsel pintu kecil.
- iv. Mengukir papan kayu pada bahagian bucu papan mejadan kaki meja.
- v. Cantumkan papan meja dan kaki meja dengan menggunakan skru.
- vi. Meratakan permukaan meja dan kaki meja dengan menggunakan kertas pasir supaya lebih licin.
- vii. Sapukan syelek pada permukaan meja dan kaki meja supaya kayu kelihatan menarik dan tahan lebih lama.
- viii. Letakkan bekas plastik untuk dijadikan tempat meletakkan alatan tulis dan minuman.

4.3 Keaslian Dan Keunikan Produk

Setiap produk mempunyai keunikannya tersendiri begitu juga dengan produk *Magic Wooden Folding Table* ini. Produk ini tiada lagi di pasaran Malaysia. Di pasaran luar terdapat beberapa produk yang menyerupai produk ini tetapi berbeza dari segi beberapa aspek dan harga yang lebih mahal berbanding dengan produk ini.

Selain itu, produk ini menggunakan bahan yang berkualiti seperti kayu merawan dan getah lembut. Kayu merawan adalah salah satu kayu yang sangat menarik dengan kayu teras berwarna kuning tua atau kuning kemerah-merahan, bertekstur halus, berserat lurus atau bergelombang, mudah digergaji dan mempunyai bentuk kayu yang unik. Kayu ini adalah sejenis kayu yang lembut dan ringan sesuai dijadikan meja mudah alih yang mampu dibawa ke mana sahaja.

Seterusnya, getah lembut yang juga dikenali sebagai *soft elastic*. Getah lembut ini bersifat kenyal, oleh itu, getah lembut ini boleh kembali ke bentuk asalnya selepas diregangkan. Apabila getah lembut ditarik, rantai molekul yang berselirat akan menggelongsor antara satu sama lain dan menjadi lurus. Manakala apabila getah lembut dilepaskan, molekul getah lembut akan

kembali semua ke bentuk asalnya. Hal ini disebabkan oleh struktur rantai molekul getah lembut ini yang tidak tersusun dan berselirat dan ianya dapat menampung komputer riba daripada terjatuh ketika pelajar menggunakannya sambil berbaring.

Akhir sekali, produk ini menggunakan syelek kemasan terakhir untuk menambahkan lagi keunikannya. Sehubungan dengan itu, para pengguna cenderung untuk membeli produk yang mempunyai kekemasan dan keunikan yang menarik. Selain itu, dengan menggunakan syelek produk ini akan kelihatan lebih cantik dan menarik minat pengguna.

5.0 Analisis Dan Keputusan

5.1 Analisa Situasi

Analisa situasi yang digunakan adalah SWOT. Menurut Fajar Nur'aini Dwi Fatimah (2016), analisis SWOT digunakan sebagai aplikasi untuk membantu membuat keputusan dalam sesuatu inovasi produk. Analisis SWOT ada singkatan daripada *Strengths* (kekuatan), *Weaknesses* (kelemahan), *Opportunities* (peluang), *Threats* (ancaman).

5.1.1 Kelebihan

Magic Wooden Folding Table ini mempunyai pelbagai kelebihan antaranya ialah memudahkan pelajar membawa meja mudah alih ini ke mana-mana sahaja mengikut tempat yang bersesuaian. *Magic Wooden Folding Table* ini direka cipta dengan bersaiz mini dan tidak membebankan pelajar untuk membawanya kemana sahaja untuk mengulangkaji atau melaksanakan pembelajaran secara atas talian.

Sebahagian pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) lebih gemar mengulangkaji di kawasan tertentu seperti taman permainan, tepian tasik atau halaman rumah bagi mendapatkan ketenangan untuk belajar. Bukan itu sahaja, mencari tempat yang sesuai untuk mengulangkaji atau melaksanakan pembelajaran secara atas talian ini juga penting kerana pelajar dapat memberi tumpuan sekaligus dapat menghilangkan tekanan yang dihadapi.

Selain itu, *Magic Wooden Folding Table* ini juga dapat menjimatkan ruang penyimpanan setelah selesai menggunakannya. Meja mudah alih yang dihasilkan ini bukan sekadar bersaiz mini tetapi mempunyai pelbagai fungsi seperti ruang untuk meletakkan laptop atau nota, peralatan alat tulis, tetikus dan juga ruang untuk meletakkan air minuman. Kebiasaannya meja mudah alih yang sering digunakan oleh pelajar hanya boleh dilipat dibahagian kaki meja sahaja tetapi *Magic Wooden Folding Table* ini mempunyai kelebihan tersendiri kerana ia boleh dilipat sehingga menjadi kecil dan boleh disimpan dimana sahaja ruang yang sesuai.

Seterusnya, meja ini boleh dinaikkan atau diturunkan mengikut keselesaan pelajar yang menggunakannya. Jika pelajar menggunakannya sambil bersandar pada mana-mana bahagian seperti dinding atau sebagainya, pelajar boleh melaraskan ketinggian meja tersebut mengikut kedudukan pelajar.

5.1.2 Keburukan

Magic Wooden Folding Table ini juga mempunyai keburukan antaranya ialah pelajar tidak sesuai menggunakan meja mudah alih ini untuk jangka masa yang lama. Hal ini kerana, *Magic Wooden Folding Table* ini boleh direka cipta tanpa kerusi dan boleh digunakan dalam kedudukan yang santai. Ia dapat memberi kesan kepada pelajar jika menggunakannya dalam jangka masa yang lama seperti sakit tulang belakang dan sebagainya. Mengikut kedudukan yang betul dalam jangka masa yang lama, pelajar mestilah mencari meja mudah alih yang mempunyai kerusi untuk memberikan keselesaan kepadapelajar yang menggunakannya. Selain itu,

Magic Wooden Folding Table ini juga tidak boleh terkena air dalam jangka masa yang lama kerana meja mudah alih yang dihasilkan ini menggunakan kayu sepenuhnya. Jika *Magic Wooden Folding Table* ini terkena air dalam jangka masa yang lama, kayu yang digunakan menjadi

kembang dan meja mudah alih tersebut boleh reput sekaligus patah di mana-mana bahagian. Di samping itu, *Magic Wooden Folding Table* ini mempunyai pelbagai fungsi dan boleh memberi kesan buruk jika meja tersebut terkena hentakan yang kuat atau terjatuh. Meja mudah alih ini terlalu ringan dan mudah patah sekiranya pelajar menggunakannya dengan cara yang tidak betul seperti membuka ruang untuk meletakkan laptop dengan kuat.

Akhir sekali, *Magic Wooden Folding Table* ini mudah dimakan oleh anai-anai kerana diperbuat daripada kayu. Oleh sebab itu, pelajar mestilah meletakkannya ditempat yang tidak mudah dimakan anai-anai. Jika pelajar tidak menggunakannya dalam masa yang lama, pelajar

mestilah meletakkannya didalam plastik atau kotak yang bersesuaian bagi mengelakkan risiko dimakan oleh anai-anai.

5.1.3 Peluang

Magic Wooden Folding Table telah dihasilkan dengan bentuk yang luar biasa dan mempunyai peluang yang sangat besar dalam memasarkan di seluruh negara. Meja mudah alih ini akan dipasarkan di media sosial seperti *facebook*, *instagram*, *shoppee*, dan *lazada*. Bukan itu sahaja, meja mudah alih ini juga akan dipasarkan dipusat membeli belah untuk memberi kemudahan kepada orang ramai mendapatkannya.

Selain itu, *Magic Wooden Folding Table* ini juga boleh menjadi pembekal kepada orang awam seperti sekolah-sekolah ataupun institusi pengajian tinggi (IPT). Hal ini dapat memperluaskan lagi pasaran meja mudah alih ini sekaligus meningkatkan jualan dari semasa ke semasa. *Magic Wooden Folding Table* direka dengan bentuk luar biasa dan mempunyai pelbagai fungsi jauh lebih unik berbanding meja mudah alih yang biasa digunakan oleh pelajar dapat menarik perhatian pelajar serta tenaga pengajar yang menggunakan komputer riba.

Akhir sekali, jika *Magic Wooden Folding Table* mendapat sambutan yang luar biasa, ia mempunyai peluang yang besar untuk bersaing diperingkat antarabangsa. Sekiranya meja mudah alih ini dapat dipasarkan di seluruh negara, *Magic Wooden Folding Table* ini akan diubah suai dan akan membuat penambahbaikan supaya ia lebih kelihatan unik.

5.1.4 Ancaman

Melalui produk yang telah cipta ini iaitu *Magic Wooden Folding Table*, terdapat beberapa ancaman yang akan dihadapi. Ancaman- ancamannya termasuklah meja mudah alih ini sukar untuk dipasarkan kerana terlalu ramai pesaing yang menawarkan produk seakan yang sama dengan meja ini. Terdapat meja yang seakan sama dengan *Magic Wooden Folding Table* ini tetapi meja mudah alih ini jauh lebih canggih berbanding dengan meja yang sedia ada kerana *Magic Wooden Folding Table* ini mempunyai keunikan tersendiri. Seterusnya, terdapat juga risiko semasa penghantaran jika terdapat pelanggan yang membeli secara atas talian.

Hal ini demikian kerana, barang tersebut kemungkinan menjadi serpihan-serpihan kayu akibat dari hentakan yang kuat semasa proses penghantaran. Seterusnya, produk tidak mudah untuk menembusi pasaran antarabangsa kerana negara pesaing menjadi semakin cekap dalam industri yang sama dan wujudnya barang pengganti yang kompetitif di seluruh dunia.

Akhir sekali, *Magic Wooden Folding Table* sulit untuk menarik perhatian pelanggan kerana corak yang tidak bervariasi. Meja ini telah dicipta dengan satu variasi sahaja kerana corak kayu ini amat sesuai kepada semua golongan tidak kira sama ada kanak-kanak dan juga dewasa.

5.2 Kesan Produk

Kesan produk kepada masyarakat termasuklah *Magic Wooden Folding Table* ini dapat memudahkan masyarakat untuk menggunakannya tidak kira sama ada hendak menulis ataupun hendak meletakkan komputer riba jika tiada tempat yang sesuai untuk melaksanakan kelas secara atas talian dan tugas yang diberikan oleh pensyarah. Bukan itu sahaja, meja mudah alih ini juga memberi keselesaan kepada masyarakat kerana ia boleh dinaikkan dan diturunkan mengikut ketinggian dan kedudukan masyarakat.

Seterusnya, dari segi ekonomi, *Magic Wooden Folding Table* ini direka cipta dengan pelbagai fungsi untuk menarik perhatian orang ramai terutama pelajar IPT dan akan dipasarkan dengan harga yang berpatutan. Oleh itu perkhidmatan penghantaran atau pengeposan secara percuma ada disediakan untuk menarik minat pelajar membelinya.

Akhir sekali, dari segi negara pula, *Magic Wooden Folding Table* ini akan dipasarkan secara meluas dengan harga yang lebih berpatutan ia juga dapat meningkatkan jualan negara dari semasa ke semasa. Bukan itu sahaja, penambahbaikan akan dibuat sekiranya meja mudah alih ini mendapat sambutan yang tinggi dari kalangan pelajar IPT mahupun orang awam yang berminat dengan produk tersebut.

5.3 Pengkomersialan

Produk yang dihasilkan seperti Rajah 6 dapat digunakan oleh semua pelajar IPT tidak kira jantina. Produk ini mempunyai ketahanan yang sangat kuat untuk menampung komputer riba dengan kadar masa yang lama. Hal ini demikian kerana *Magic Wooden Folding Table* ini dihasilkan menggunakan kayu merawan yang sangat kukuh. Selain itu, dengan menggunakan *Magic Wooden Folding Table* ini, ia akan memudahkan para pelajar untuk menjalani proses pembelajaran secara atas talian dengan selesa dan teratur. Seterusnya, harga yang ditawarkan untuk produk ini adalah berpatutan untuk pengguna utama iaitu pelajar IPT dan ianya sesuai untuk dimasukkan ke dalam pasaran negara.




Rajah 6: Bahan utama yang digunakan

5.4 Analisa Data

Soal selidik merupakan satu set soalan yang bertujuan untuk meramal tabiat pengguna dan mengukur tahap kesedaran serta kesediaan pembeli menerima produk baru. Seterusnya melalui soal selidik ini, pengkaji akan dapat menerima cadangan atau komen dari pembeli. Ini merupakan langkah awal dalam meneroka pasaran. Borang soal selidik hanya boleh dibentuk berdasarkan objektif penyelidikan untuk mengumpul data kajian. Pengkaji telah menjalankan kajian terhadap pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi mengumpulkan data mengenai projek yang dilakukan. Melalui analisa tersebut, pengkaji akan mengetahui samada projek yang dicipta ini diterima atau tidak dalam kalangan pelajar.

5.4.1 Jantina responden


Menurut Rajah 7, peratusan perempuan didapati melebihi peratusan lelaki. Responden perempuan adalah seramai 12 orang dengan peratusan sebanyak 60% berbanding dengan responden lelaki. Responden lelaki pula adalah 8 orang dengan peratusan sebanyak 40%. Perempuan mempunyai responden yang paling tinggi berbanding lelaki kerana perempuan lebih gemar melakukan kerja dengan lebih teratur dan cermat seperti menjalani kelas atas talian dengan meletakkan barang-barang mereka dengan teratur dan kemas di atas meja.



Rajah 7: Menunjukkan pecahan peratusan responden mengikut jantina

5.4.2 Tempat tinggal responden


Rajah 8 menunjukkan pecahan peratusan tempat tinggal responden. Terdapat tiga tempat tinggal iaitu rumah sewa, asrama dan rumah sendiri. Peratusan untuk rumah sewa merupakan peratusan yang paling tertinggi berbanding tempat tinggal yang lain. Seramai 9 orang pelajar bersamaan dengan 45% pelajar yang tinggal di rumah sewa pada masa kini. Seterusnya seramai 8 orang pelajar dengan peratus 40% pelajar yang tinggal di asrama. Peratus yang paling terendah adalah 15% rumah sewa iaitu sebanyak 3 orang pelajar yang tinggal di rumah sendiri. Melalui analisa responden ini, jelaslah bahawa pelajar yang tinggal di rumah sewa amat memerlukan meja mudah alih ini kerana rumah sewa tidak menyediakan tempat belajar yang selesa lebih-lebih lagi ketika menjalani kelas secara atas talian ini.



Rajah 8: Menunjukkan pecahan peratusan tentang tempat tinggal

5.4.3 Umur Responden


Rajah 9 menunjukkan pecahan peratusan responden terhadap peringkat umur. Terdapat tiga jenis peringkat umur dalam analisa pengkaji antaranya ialah dalam lingkungan 13 tahun-17 tahun, 18 tahun-23 tahun dan lain-lain umur. Melalui analisa yang telah dibuat, didapati peringkat umur 18 tahun-23 tahun merupakan peratusan tertinggi iaitu dengan 100%. Ini bermaksud semua responden dalam lingkungan 18 tahun-23 tahun. Mereka merupakan pelajar-pelajar institusi yang terpaksa belajar secara atas talian. Hal ini demikian kerana, pengkaji menyasarkan produk ini khususnya kepada Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) kerana mereka belajar secara atas talian disebabkan oleh jangkitan Covid-19 yang melanda sejak beberapa bulan yang lepas.



Rajah 9: Menunjukkan pecahan peratus responden terhadap peringkat umur

5.4.4 Persepsi responden terhadap meja mudah alih

Rajah 10 merupakan persepsi responden terhadap meja mudah alih. Melalui soalan yang telah dikemukakan oleh responden, didapati bahawa hampir semua pelajar amat memerlukan meja mudah alih ini untuk kegunaan mereka kerana kebanyakan daripada pelajar belajar secara atas talian berbanding bersemuka. Sekiranya meja ini direka, meja ini dapat memudahkan pelajar untuk menumpukan perhatian kerana dapat memberi keselesaan kepada mereka ketika sesi pembelajaran secara atas talian berlangsung. Selain itu, meja ini dapat meletakkan banyak barangan untuk belajar seperti komputer riba, alat tulis, nota dan air minuman dengan kemas dan teratur.



Rajah 10: Menunjukkan carta bar mengenai persepsi responden terhadap meja mudah alih

6.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian menunjukkan bahawa meja mudah alih ini atau dikenali sebagai *Magic Wooden Folding Table* amat diperlukan dalam kalangan pelajar. Hal ini demikian, melalui analisa data yang telah dibuat, peratusan bagi yang menjawab ya merupakan peratusan paling tertinggi berbanding peratusan yang menjawab tidak. Perkara ini bermaksud meja ini amat diperlukan dalam kalangan pelajar. *Magic Wooden Folding Table* ini direka dengan bentuk luar biasa di mana pelajar boleh menulis secara duduk dengan lebih selesa kerana meja ini dapat menaikkan dan menurunkan mengikut ketinggian pelajar. Meja mudah alih ini juga menyediakan tempat untuk pelajar meletakkan komputer riba dan juga nota semasa sesi pembelajaran atas talian dilakukan. Bukan itu sahaja, terdapat juga beberapa tempat untuk pelajar meletakkan tetikus, peralatan menulis, dan ruang untuk meletakkan air minuman.

Dengan adanya *Magic Wooden Folding Table* ini, pelajar juga tidak perlu berfikir untuk meletakkan air minuman semasa kelas dijalankan kerana meja mudah alih ini telah menyediakan tempat khas untuk meletakkannya. Kebiasaannya, meja mudah alih yang sering digunakan oleh pelajar mempunyai satu ruang sahaja dan tidak menyediakan tempat khas untuk meletakkan air minuman, peralatan alat tulis. Hal ini dapat mengelakkan air tertumpah dan mengalir pada barang-barang yang ada di atas meja tersebut. Oleh itu, pelajar dapat menggunakan *Magic Wooden Folding Table* ini untuk mengulangkaji pelajaran dengan lebih selesa.

Selain itu, untuk pelajar yang tinggal di rumah sewa, mereka tidak mempunyai meja untuk menjalani kelas secara atas talian. Mereka amat berpuas hati untuk memiliki meja ini kerana *Magic Wooden Folding Table* sangat senang untuk dibawa ke mana-mana seperti belajar di taman atau ingin mencari kawasan yang mempunyai internet berkelajuan tinggi. *Magic Wooden Folding Table* juga mempunyai pelbagai fungsi contohnya ruang untuk meletakkan komputer riba, air minuman, tetikus, alatan menulis dan juga nota.

Akhir sekali, pelajar dapat mengurangkan tekanan ketika belajar secara atas talian kerana mereka mempunyai tempat dan kedudukan yang amat selesa. Pelajar juga tidak perlu menggunakan banyak meja ketika menjalani kelas secara atas talian ini sebagai contoh menggunakan meja lain untuk meletakkan komputer riba dan sebagainya. Pelajar boleh meletakkan barang yang diperlukan ketika menjalani kelas secara atas talian dengan menggunakan sebuah meja sahaja.

Magic Wooden Folding Table telah dicipta untuk memudahkan pelajar yang terbabit dalam menjalani kelas atas talian. Produk ini mempunyai keunikannya tersendiri. Produk ini tiada lagi di pasaran Malaysia. Di pasaran luar terdapat beberapa produk yang menyerupai produk ini tetapi berbeza dari segi beberapa aspek dan harga yang lebih mahal berbanding dengan produk ini. *Magic Wooden Folding Table* terdapat beberapa ruang untuk meletakkan barang ketika menjalani kelas atas talian. Contohnya, terdapat ruang untuk meletakkan nota-nota, komputer riba, alatan menulis, air minuman dan juga tetikus. Terdapat beberapa cadangan untuk menyempurnakan lagi *Magic Wooden Folding Table* agar para pengguna berpuas hati apabila menggunakannya.

Antara cadangannya termasuklah menambahkan aksesori di meja seperti lampu belajar. Lampu belajar tersebut dapat membantu pengguna apabila belajar pada waktu malam. Lampu itu juga dapat memberi kebaikan kepada pengguna kerana tidak merosakkan mata ketika belajar dalam kegelapan. Selain itu, sebuah tempat untuk mengecas telefon bimbit atau dikenali sebagai *power bank* juga boleh ditambah. Hal ini demikian kerana, sesetengah pelajar menggunakan telefon bimbit semasa menjalani kelas secara atas talian. Oleh sebab itu, pelajar tidak perlu berfikir panjang untuk mengecas telefon bimbit jika kehabisan bateri semasa kelas berlangsung.

Rujukan

- Astro Awani (2020). Fakta yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Dunia (WHO) untuk perkongsian tentang COVID-19. Dilihat pada (Oktober 9, 2020), melalui <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/apa-lagi-anda-perlu-tahu-tentang-covid19-234299>
- Berita Harian (2020). KPT benar kemasukan pelajar baharu UA, IPTS mulai 1 Julai. Dilihat pada (Mei 27, 2020), melalui <https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/node/693433/amp>
- Campbell, D. (1989). Mengembangkan Kreativitas. Penerbit Kanisius. https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=usaha+memperkenalkan+inovasi+meja+mudah+alih&btnG=#d=gs_qabs&u=%23p%3DXVGv9K25DIYJ
- Fajar Nur'aini Dwi Fatimah (2016). Teknik Analisis SWOT. Dilihat pada (Oktober12,2020), melalui https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=CRL2DwAAQBAJ&oi=fnd&pg=PR2&dq=MAKSUD+SWOT+pdf&ots=NVIEJguaxj&sig=UnzWyVul3neXogbcXAuRyv6dSPM&redir_esc=y#v=onepage&q&f=false
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia (2020). Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Mengenai Covid-19. Dilihat pada (Mac 16, 2020), melalui <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/03/perutusan-khas-yab-perdana-menteri-mengenai-covid-19-16-mac-2020-2/>